

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

EUP 302 - Psikologi Perindustrian

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak serta mengandungi **TUJUH** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian A (jawapan pendek) dan **TIGA** soalan dari Bahagian B (jawapan panjang - esei).

Semua jawapan **MESTILAH** dijawab dalam bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. (a) Berikan definasi organisasi kebudayaan.

(5 markah)

(b) Senaraikan langkah-langkah yang terlibat dalam mengendalikan proses membuat keputusan kumpulan nominal. (Norminal group decision making).

(5 markah)

(c) Bandingkan dua pandangan terhadap tugas penyelia?

(5 markah)

(d) Bolehkah individu yang bermotivasi kuasa (Power motivated people) menjadi pengurus yang baik? Beri alasan anda secara ringkas.

(5 markah)

2. (a) Apakah aspek-aspek utama mengenai teori Z?

(5 markah)

(b) Jelaskan secara ringkas perbezaan antara personaliti jenis A dan jenis B.

(5 markah)

(c) Apa yang dimaksudkan dengan kenyataan berikut "organisasi adalah sistem sosial"

(5 markah)

(d) Pilih dua daripada konsep-konsep berikut dan berikan satu contoh kerja bagi tiap-tiap satu konsep yang dipilih:

- (i) 'figure and ground'
- (ii) 'set'
- (iii) 'attribution'
- (iv) 'gestalt'

(5 markah)

BAHAGIAN B

3. (a) Bincangkan teori pertukaran ketua-ahli (leader-member theory).
- (12 markah)
- (b) Pada pandangan anda, adakah teori ini adil? Berikan penjelasan bagi mengukuhkan jawapan anda
- (8 markah)
4. (a) "Pekerja yang berpuas hati adalah seorang pekerja yang produktif". Bincangkan.
- (10 markah)
- (b) Apakah petanda-petanda (Symptoms) yang dapat mengenal pasti pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati dengan tugas mereka?.
- (10 markah)
5. Suatu perubahan yang baru telah dicadangkan di Syarikat Malacca Mining dan ini mengakibatkan pekerja-pekerja menyuarakan perasaan tidak puas hati, lalu bertindak untuk melembabkan prestasi kerja dan juga mengancam untuk melancarkan mogok.
- (a) Apakah sebab-sebab munasabah yang mungkin mengakibatkan penentangan (Resistance) ini?
- (10 markah)
- (b) Bagaimanakah pengurus besar syarikat ini dapat mengatasi penentangan ini?
- (10 markah).
6. (a) Apakah kepentingan maklumbalas (feedback) dan perihal memberitahu (disclosure) dalam pengurusan?
- (10 markah)

- (b) Andaikan anda mempunyai seorang pekerja yang selalu datang ke pejabat 30 minit lewat. Apakah garis panduan yang anda perlu gunakan untuk memberi maklumbalas mengenai perlakuan pekerja itu.

(10 markah).

7. (a) Peranan konflik (Role conflict) dan peranan kabur (Role ambiguity) mengakibatkan tekanan kepada seseorang. Jelaskan kedua-dua konsep tersebut berpandukan kepada pengalaman anda.

(10 markah)

- (b) Apakah reaksi anda terhadap individu yang suka mencelah dalam perbualan anda dengan orang lain. Apakah reaksi anda sama jika individu itu adalah pensyarah anda? Bagaimanakah ianya memberi kesan kepada perhubungan anda dengan pensyarah itu.

(10 markah)

ooooo0oooo